

21 APR 2000

DAIM-GABENOR/I

DAIM, MUSTAPA ENGGAN ULAS MENGENAI GABENOR BARU BNM

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin hari ini enggan menamakan gabenor baru Bank Negara Malaysia (BNM) dan berkata ia adalah hak kerajaan dalam membuat keputusan mengenainya.

Apabila diminta mengulas mengenai calon-calon untuk menggantikan Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman yang akan bersara akhir bulan ini, beliau berkata calon itu tidak semestinya ahli perbankan tetapi "seorang yang boleh menjalankan tugas."

"Beliau mesti tahu mengenai perbankan, ekonomi dan boleh memberi nasihat yang baik kepada saya," katanya selepas melancarkan logo baru anak syarikat Kumpulan Malayan Banking, di sini.

Sementara itu, Datuk Mustapa Mohamad yang dikatakan menjadi salah seorang calon gabenor, berkata: "Perdana Menteri telah mengulas mengenainya semalam dan ia jelas.

"Saya tak ada apa-apa untuk berkata," kata Penasihat Ekonomi kepada Kementerian Kewangan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja di sebuah seminar antarabangsa anjuran Permodalan Nasional Bhd, beliau berkata beliau tidak menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Daim mengenai perkara itu.

-- BERNAMA

SHO/MOT JR